



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR

PERKEMBANGAN TERKINI ISU KOPI PRACAMPUR SEGERA BERPERISA DURIAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan perkembangan terkini mengenai isu kopi pracampur segera berperisa durian iaitu Penang Durian White Coffee 4 in 1 berjenama Mycafe keluaran Daily Recipe Industries (M) Sdn. Bhd. yang didakwa mengandungi bahan kimia terlarang tular melalui media sosial. Lima (5) orang telah mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang selepas meminum kopi pracampur tersebut yang diberikan kepada mereka secara percuma.

KKM memandang serius berhubung isu ini dan hasil verifikasi oleh KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di kilang pengeluaran produk tersebut mendapati kilang berkenaan mempunyai program jaminan keselamatan makanan. Di samping itu, hasil analisis mengesahkan produk-produk makanan yang dihasilkan oleh kilang tersebut tidak mengandungi bahan yang dilarang di bawah Akta Makanan 1983.

Sehubungan itu, KKM tidak menolak kemungkinan terdapat unsur sabotaj terhadap produk tersebut dan laporan polis mengenai perkara ini telah dibuat. Manakala, pemerhatian juga mendapati terdapat kesan bahagian bawah bungkusan kopi berkenaan yang disyaki telah dibuka dan ditampal semula, serta terdapat perbezaan berat bungkusan dan warna kopi yang ketara dengan produk asal.

Pengguna adalah dinasihatkan untuk berhati-hati terutamanya dalam menerima produk makanan daripada mana-mana individu secara percuma sertameragukan.

Di bawah subseksyen 13(1), Akta Makanan 1983, mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat, atau hubungi KKM melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

3 FEBRUARI 2018